

PATI berehat terkejut diserbu

Johor Bahru: Seramai 49 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor di 16 premis rumah kedai dan kediaman di Taman Johor Jaya di sini, kelmarin.

Pengarah JIM Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, mereka ditahan dalam Operasi Sapu yang dijalankan pada jam 12.10 malam.

Menurutnya, semua PATI terbabit berusia antara 20

hingga 49 tahun.

“Mereka ditahan terdiri daripada dua lelaki warga Indonesia, 12 lelaki Myanmar, 11 lelaki Pakistan, lapan lelaki Bangladesh, 12 wanita Myanmar dan empat wanita Indonesia.

“Pemeriksaan mendapati mereka tiada dokumen perjalanan sah serta tinggal melebihi tempoh dibenarkan,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Mohd Rusdi berkata, pihaknya melancarkan ope-

rasi itu bagi membanteras kehadiran PATI dan ia dijalankan hasil risikan serta aduan awam mengenai kehadiran mereka yang tinggal di kawasan rumah kedai dan kediaman terbabit.

“Serbuan itu dijalankan ketika semua warga asing terbabit berehat di rumah kedai yang dijadikan sebagai tempat tinggal dan ada antara mereka cuba melarikan diri serta bersembunyi di atas bumbung, namun diberkas,” katanya.



PATI yang ditahan dalam Operasi Sapu yang dijalankan secara mengejut di 16 premis rumah kedai dan kediaman sekitar Taman Johor Jaya.